

Rumah jadi panggung video lucah

Remaja ponteng sekolah tonton VCD haram milik pasangan kembar

Oleh Rashidi Karim
bhnews@bharian.com.my

KANGAR: Sepasang kembar lelaki berusia 16 tahun ditahan kerana memiliki 60 keping video cakera padat (VCD) lucah ketika serbuan sepasukan anggota polis di rumahnya di Pangsapuri Seri Sena, di sini, semalam.

Pasangan kembar berkenaan ditahan bersama empat lagi rakan berusia 13 dan 17 tahun ketika sedang asyik menonton video lucah sambil menikmati hidangan mi segera di rumah terbabit, kira-kira jam 11 pagi.

Ketua Polis Daerah Kangar, Superintendan Abdul Rahman Mohd Noordin, berkata serbuan dilakukan sepasukan anggota polis daripada Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) di sini yang memperoleh maklumat mengenai kegiatan remaja berkenaan di pangsapuri itu.

Katanya, pasukan diketuai Inspektor Ahmad Sukri Ramli yang menjalankan operasi mat rempit, menahan seorang remaja lelaki berusia 13 tahun yang didapati pon-

teng sekolah dan sedang berlegar-legar di kawasan terbabit sebelum membawa penahanan lima lagi rakannya.

"Ketika serbuan, lima remaja sedang asyik menonton video lucah di rumah pasangan kembar itu. Hasil siasatan kita menjumpai sebanyak 60 VCD lucah di dalam rumah berkenaan," katanya di sini.

Beliau berkata, empat remaja bertindak ponteng sekolah manakala dua lagi sudah tidak bersekolah, termasuk salah seorang pasangan kembar yang dikenakan tindakan buang sekolah kerana sering ponteng.

Katanya, pasangan kembar berkenaan yang menetap bersama ibunya yang juga ibu tunggal, dikatakan menyimpan VCD terbabit sejak beberapa tahun lalu dengan menjadikan rumahnya sebagai lokasi untuk menonton ketika ibunya keluar berkerja.

"Ibu bapa dan guru pelajar yang terbabit sudah dimaklumkan berhubung penahanan mereka," katanya.

Abdul Rahman berkata, kes disi-



ENAM remaja ditahan ketika asyik menonton video lucah di sebuah rumah di Kangar.

asat mengikut Seksyen 292 Kanun Keseksaan iaitu memiliki bahan lucah dan sabit kesalahan boleh dikenakan penjara tiga tahun atau denda atau keduanya sekali.

Selain pasangan kembar, katanya, dua daripada enam yang ditahan itu adalah adik beradik berusia 16 dan 17 tahun dan menetap di Simpang Empat, dekat sini.

"Kedua-dua beradik berkenaan turut ponteng sekolah untuk menonton video lucah di rumah pasangan kembar yang sebelum ini adalah rakan sekampung," katanya.

Bagaimanapun, semua enam remaja berkenaan dilepaskan dengan jaminan polis selepas diambil keterangan dan diberikan khidmat kaunseling.